

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**
SOALAN : **Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berkaitan strategi dan langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan pengeluaran dan pemasaran buah-buahan tempatan di luar negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA berusaha untuk mempertingkatkan pemasaran buah-buahan tempatan di luar negara melalui dua strategi iaitu meneroka pasaran baru dan memperkukuhkan pasaran sedia ada.

Program di bawah strategi tersebut merangkumi aktiviti penyertaan dalam pameran perdagangan dan pengguna, penganjuran promosi jualan di pasaraya untuk usahawan dan pengeksport serta melaksanakan promosi produk bersama dengan pengeksport/pengimport di saluran pasaran yang bersesuaian di luar negara.

Berikutan penumpuan kerajaan untuk memperkasakan eksport bahan makanan serta menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia, pada

tahun 2014 FAMA telah membuka Agrobazaar luar negara yang pertama di Singapura (ABMS). Projek tersebut akan menjadi 'platform' tetap untuk mempromosikan buah-buahan dan produk makanan keluaran usahawan Malaysia secara konsisten dan terancang bagi mencapai matlamat mempertingkatkan eksport bahan makanan.

Pada peringkat pra-eksport, FAMA juga menganjurkan program untuk memperkukuhkan bekalan eksport melalui aktiviti hantaran percubaan eksport samada bagi tujuan mendapatkan akses pasaran atau pun untuk percubaan meneroka pasaran baru dengan melakukan hantaran percubaan eksport komersil.

Aktiviti penjenamaan produk turut dilaksanakan melalui iklan di media cetak dan elektronik bagi memperkenalkan produk baru dan mendidik pengguna luar negara tentang kelebihan dan keistimewaan produk yang dipromosikan.